

Uji Diri



I Tandakan ✓ atau ✗.

Azman melayari laman web di sekolah tanpa pengetahuan guru.

Mei Mei meminta kebenaran guru untuk membuka akaun emel menggunakan komputer di sekolah.

Ranjit menukar kata laluan pada komputer sekolah tanpa memberitahu sesiapa.

Marlyn dan kawan-kawannya menggunakan komputer sekolah untuk menjalankan aktiviti yang diberi oleh guru.

Haikal terjumpa kata laluan emel gurunya dan menyebarkannya melalui mesej telefon bimbit.

Wei Xuan memuat turun permainan komputer daripada laman yang tidak sah kerana ibu bapanya tidak membenarkannya membeli permainan tersebut.

Geetha menyalin foto dan penulisan daripada laman sesawang tanpa pengetahuan guru.
Geetha tidak mahu meletakkan nama pemilik dan sumber laman sesawang tersebut.



- 2 / Anda perlu menetapkan kata laluan semasa mendaftar untuk akaun emel yang baharu.
Pangkah kata laluan yang tidak sesuai digunakan.

AKK 3224 (nombor plat kereta bapa)	cAwAn_445
mi_goreng#512	180109 (tarikh lahir)
Ka\$ut-bOla-2;	0113225445 (nombor telefon ibu)

- 3 / Bulatkan maklumat yang dianggap peribadi dan tidak boleh didedahkan di internet.

- Nama sekolah anda
- Nombor MyKid anda
- Warna baju yang pernah anda lihat
- Alamat rumah anda
- Haiwan yang anda tahu
- Nama negara yang anda tahu